NO SOALAN :10

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI (DUNGUN)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**11.11.2014**

Y.B. TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mekanisme yang akan digunakan bagi menggantikan kebergantungan Kerajaan daripada pemerolehan hasil petroleum kepada GST.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sememangnya sedang berusaha untuk mengurangkan kebergantungan Negara terhadap hasil petroleum. Mekanisme yang akan digunakan bagi mengurangkan kebergantungan Kerajaan kepada

pemerolehan hasil petroleum ialah melalui pengenalan cukai barang dan perkhidmatan (GST). Seperti Ahli Yang Berhomat sedia maklum, petroleum merupakan sumber yang semakin berkurangan dan menyumbang sebanyak 35.8%, 33.7%, dan 31.2% daripada hasil Negara pada tahun 2011, 2012 dan 2013. Manakala pada tahun 2014, anggaran peratusan hasil petroleum ialah sebanyak 29.7% daripada hasil Negara. Sumbangan sektor ini dijangka akan terus berkurangan pada masa hadapan.

GST yang dilaksanakan oleh Kerajaan bukan sahaja telus, cekap dan efektif, malah ianya dijangka akan meningkatkan lagi kepatuhan peniaga kepada sistem percukaian dan seterusnya dapat mengurangkan jurang percukaian di kalangan masyarakat peniaga.

Dengan pelaksanaan GST ini, Kerajaan menjangkakan bahawa jurang cukai atau *tax gap*, dengan izin, akan dapat dikurangkan dalam jangka panjang dan seterusnya hasil kutipan akan dapat dipertingkatkan bagi menampung penurunan dalam sumbangan sektor petroleum kepada hasil Negara.